

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[ KUDAT ]**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk mempromosikan produk pelancongan Kudat memandangkan Kudat memiliki produk pelancongan eko yang berkualiti seperti Pulau Supirak, Beting Supirak, Tips Of Borneo, Pulau Maliangin, rumah tangkap ikan bagang, Pantai Kelambu, aktiviti sukan golf, produk makanan laut dan berasaskan kelapa, budaya tradisi etnik seperti Rungus dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia (TM) sentiasa bekerjasama dengan Sabah Tourism Board (STB) dalam mempromosi pelancongan ke Sabah. Bersesuaian dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, acara-acara pelancongan akan diadakan di Sabah dan dipromosikan di pasaran antarabangsa dan domestik. Program-program promosi sentiasa diadakan bagi menggalakan kedatangan pelancong asing ke Negeri Sabah melalui:

1. Penyertaan STB dan penggiat industri pelancongan Negeri Sabah di pameran-pameran galakan pelancongan dan misi galakkan yang dianjurkan oleh TM mahupun pihak swasta. Antara pameran-pameran galakan pelancongan yang turut disertai oleh STB termasuklah International Tourismus Bourse (ITB)-Berlin, World Travel Market (WTM)-London, Destination Show-London, Vakantiebeurs-Amsterdam, Matka-Helsinki, Sabah Roadshow-Australia, Sabah Roadshow-Tokyo, Sabah Roadshow-Korea, dan International Travel Fair (ITF)-Taipei;

## NO. SOALAN: 4

2. Perkhidmatan penerbangan Malaysia Airlines dan penerbangan tambah murah seperti Air Asia dan Malindo Air menghubungkan Semenanjung Malaysia daripada Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang, Kelantan dan Sarawak ke Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Labuan manakala perkhidmatan penerbangan MASWings yang menghubungkan beberapa daerah utama di Sabah dan Sarawak, telah memudahkan lagi lebih ramai orang untuk berkunjung ke Sabah;
3. TM dan STB dengan kerjasama syarikat penerbangan juga turut menaja lawatan suaikenal pihak media dan penggiat industri pelancongan (*mega-fam*) seluruh dunia bertujuan untuk memperkenalkan tempat-tempat menarik di Negeri Sabah;
4. TM juga menerbitkan risalah negeri Sabah yang mengandungi maklumat tarikan-tarikan pelancongan di Sabah. Risalah ini diedarkan melalui pejabat-pejabat TM dalam dan luar negeri, pameran-pameran pelancongan domestik dan antarabangsa. Risalah juga boleh diakses secara digital di serata dunia. Selain daripada itu, TM juga telah menghasilkan risalah *Malaysia Exotic Ethnic Heritage* yang menonjolkan keunikan budaya dan tradisi pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia. Antara kaum-kaum yang terlibat di Sabah adalah Kadazandusun, Rungus, Bajau, Murut, Lundayeh, Orang Sungai dan Iranun. Risalah tersebut secara tidak langsung mempromosikan destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di populasi sesuatu kaum yang terdapat di dalam risalah tersebut;
5. Pengusaha Homestay di Sabah seperti Homestay Misompuru, Kudat juga telah turut terlibat di dalam Misi Jualan anjuran TM ke luar negara seperti Australia, Singapura dan Jepun. TM juga telah membawa sekumpulan penari dari suku kaum Rungus yang bernaung dibawah Persatuan Momogun Rungus Sabah ke ITB Berlin pada Mac 2018. Persembahan tarian *Mongigol Sumundai* secara tidak langsung mempromosikan kebudayaan suku kaum tersebut dan destinasi-destinasi pelancongan di sekitar Kudat.

Sekian, terima kasih.